**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**
**(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 12 MAR 2016



SEBAHAGIAN peserta dan pemenang Kejohanan Bola Tampar Piala Datuk Bandar dan Volleython Shah Alam 2016 bergambar di Dewan Bola Tampar MBSA, Seksyen 19, Shah Alam baru-baru ini.

# 53 pasukan sertai kejohanan bola tampar anjuran MBSA-Mava

**SIHAT.** Sebanyak 53 pasukan dari dalam dan luar negara menyertai Kejohanan Bola Tampar Piala Datuk Bandar dan Volleython Shah Alam 2016 anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam dengan kerjasama Persatuan Bola Tampar Malaysia (Mava) di Shah Alam baru-baru ini.

Bagi kategori terbuka, sebanyak 12 pasukan mengambil bahagian termasuk pasukan dari luar negara seperti Thailand, Indonesia, Sri Lanka, Taiwan dan Hong Kong.

Menurut Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd. Saad, kejohanan itu adalah untuk melahirkan pemain pelapis sukan bola tampar negara selain menggalakkan gaya hidup sihat.